

membina sesuatu yang menghidupkan jiwa keislaman yang sangat dihajati untuk membawa kesedaran sebab kesedaran dengan mengkritik tidak akan memberi kesan terutamanya pada zaman kita ini.

Mudah-mudahan teguran kita ini diusahakan bersama-sama untuk kebaikan Islam.

\* \* \*

### **Ahli Agama Buddha Mencampuri Hukum-hukum Islam**

Yu Ha Ong, pensyarah Undang-undang di Universiti Singapura di dalam suatu ceramahnya mengenai undang-undang perkahwinan dan perceraian Burma dan Malaya telah mengatakan bahawa poligami serta perceraian yang mudah di dalam Islam sebagai “dua cacat yang buruk benar”.

Ia mendatangkan pula syor-syornya supaya undang-undang perceraian dan nikah Islam diubah mengikut fikiran dan kemahuannya. (Lihat selanjutnya dalam lain muka.)

Melihat kepada caranya dan melihat ia bukan seorang Islam, di dalam ceramahnya itu zahir perbuatan seakan-akan hendak merendahkan hukum Islam dan nampaknya zahir hendak menunjukkan bahawa hukum agama Buddha lebih baik daripada Islam.

Umat Islam di Singapura bukanlah orang buta. Umat Islam Singapura mengetahui bahwa Undang-undang Peraturan Cerai 1957 yang memberi syarat sesuatu perceraian hanya “Diluluskan sesudah mendapat persetujuan isteri” yang dikuatkuasakan sekarang adalah bertentangan dengan hukum Islam yang diturunkan Tuhan – yang demikian hanya ada pada undang-undang Kristian.

Menghalang berpoligami adalah menimbulkan perzinaan

dan bertentangan dengan kelulusan-kelulusan yang diberi oleh Tuhan ke atas seseorang. Tentang “adil” di dalam berpoligami adalah ditakrifkan dengan sewajarnya Nabī (S.A.W.) di dalam beberapa hadith. Semuanya telah dikaji oleh umat Islam dan diketahui oleh umat Islam Singapura tetapi malangnya undang-undang Islam yang dibina oleh Islam hendak diubah oleh fikiran manusia, oleh ahli-ahli undang-undang yang sebenarnya tidak mendalam dalam hukum-hukum Islam dan menjadikan sebab keadaan masyarakat Islam yang jahil dijadikan hujah untuk mencabar kesucian Islam.

Sangat mudah untuk membetulkan masyarakat Islam asakan<sup>1</sup> undang-undang Islam yang ada dikuatkuasakan – tidak payah mengubal satu undang-undang baharu meminda undang-undang Islam sebab menurut keyakinan dan kepercayaan umat Islam tidak ada seorang manusia pun berhak mengubah undang-undang Tuhan.

Sangat didukacitakan seorang yang tidak mendalam, apa lagi orang yang bukan berilmu di dalam Islam, cuba dan berani memberi syor mengubah hukum-hukum Islam. Perbuatan yang semacam ini tidaklah boleh dimaafkan dan dibiarkan.

\* \* \*

### **Perkara Kitab – Khassan<sup>2</sup> Bandung**

Surat khabar Melayu nampaknya sentiasa bergiat mencari jalan menggunting di dalam lipatan untuk membuat heboh di dalam perkara-perkara *khilāfiyyah* yang telah berpuluh-puluh tahun menjadi perbincangan dan persoalan.

Baharu-baharu ini, telah dibesar-besarkan lagi berita mengenai “Kitab Soal Jawab” karangan Allahyarham

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya ialah asalkan

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya ialah Hassan